

B B414 DEB
EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI - 8 OKT

MAHATHIR - DIBELA
(1)

KUALA LUMPUR, 8 OKT (BERNAMA) -- NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MEMERLUKAN KERJASAMA YANG BERKESAN DAN BERTERUSAN SESAMA SENDIRI BAGI MEMPERBAIKI MASALAH EKONOMI YANG BERPUNCA DARIPADA KEMELESETAN EKONOMI DUNIA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

KATANYA, SEMUA NEGARA MEMBANGUN PERLU MENGHADAPI SENDIRI MASALAH ITU BAGI MENENTUKAN BARANG KELUARAN MEREKA MENDAPAT HARGA YANG ADIL DAN STABIL.

MALAYSIA, KATA PERDANA MENTERI, SEPERTI NEGARA MEMBANGUN LAIN TERUS MENERIMA KESAN DARIPADA MASALAH EKONOMI DUNIA ITU TERMASUK SYARAT-SYARAT PERDAGANGAN YANG TIDAK ADIL, MENINGKATKANYA DASAR PERLINDUNGAN DAN KEMEROSOTAN HARGA KOMODITI UTAMA.

+ SEMUA INI TIDAK BOLEH DIPERBETULKAN SENDIRIAN ATAU MENUNGGU PERSETUJUAN DUNIA BAGI PEWUJUDAN SUSUNAN EKONOMI ANTARABANGSA YANG BARU, + KATA DATUK SERI DR MAHATHIR PADA MAKAN MALAM MERAIKAN GABENOR JENERAL PAPUA NEW GUINEA SIR KINGSFORD DIBELA DI SRI PERDANA DI SINI.

SIR DIBELA, ISTERINYA LADY DIBELA DAN 10 PEGAWAI TIBA DI SINI PAGI INI UNTUK LAWATAN RASMI LIMA HARI. - LAGI.
2136MST 08 10 87

B B415 DEB
MAHATHIR - DIBELA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MENYOKONG PENUH KONSEP KERJASAMA ANTARA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN ATAU KERJASAMA SELATAN-SELATAN BUKAN SAHAJA DALAM PERDAGANGAN TETAPI JUGA EKONOMI DAN TEKNIKAL.

BELIAU MENGANGGAP PEMBENTUKAN JAWATANKUASA BEBAS SELATAN BARU-BARU INI YANG DIKETUAI OLEH PRESIDEN TANZANIA, DR JULIUS NYERERE SEBAGAI LANGKAH BERKESAN KE ARAH KERJASAMA YANG LEBIH LUAS ANTARA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

KATANYA MALAYSIA JUGA TELAH MEMULAKAN PROGRAM BANTUANNYA SENDIRI -- PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA (MTCP) BAGI BERKONGSI PENGALAMAN DAN KEPAKARAN DENGAN NEGARA LAIN TERMASUK PAPUA NEW GUINEA.

ADALAH DIHARAPKAN PROGRAM ITU AKAN MEMBERI MANFAAT KEPADA PEMBANGUNAN PAPUA NEW GUINEA DAN TERUS MENYUMBANGKAN KE ARAH MEMPERKUKUHKAN PERSAHABATAN DAN MUHIBAH DENGAN MALAYSIA, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA HUBUNGAN ANTARA PAPUA NEW GUINEA DENGAN MALAYSIA MEMANG SENTIASA RAPAT DAN MENJADI HASRAT KERAJAAN MENGEKAL DAN MENGUKUHKANNYA.

+SAYA YAKIN TERDAPAT BANYAK POTENSI BAGI KERJASAMA YANG LEBIH LUAS DALAM BIDANG PERDAGANGAN, EKONOMI DAN TEKNIKAL BAGI MANFAAT KEDUA-DUA BUAH NEGARA.

+IA KINI TERPULANG KEPADA KITA TERUTAMA SEKTOR SWASTA BAGI MENGENALI BIDANG-BIDANG BERKENAAN, + TAMBAH BELIAU. - BERNAMA.
2143MST 08 10 87